



## **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL(PTPTN)**

### **PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2009**

#### **PENGUATKUASAAN LARANGAN KELUAR NEGARA TERHADAP PEMINJAM INGKAR PTPTN**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penguatkuasaan larangan keluar negara melalui senarai hitam Imigresen terhadap peminjam ingkar PTPTN.

##### **LATAR BELAKANG**

2. PTPTN melalui kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 22A Akta PTPTN 1997 (Akta 566) boleh menghantar nama peminjam ingkar ke Jabatan Imigresen untuk disenarai hitamkan bagi maksud menghalang mereka daripada keluar negara walaupun untuk menjalankan tugas rasmi.

##### **PELAKSANAAN**

3. Peminjam yang disenarai hitam merupakan peminjam yang telah diambil tindakan undang-undang lanjutan dari kegagalan mereka mematuhi syarat-syarat perjanjian serta peringatan yang telah dikeluarkan.


4. Untuk mengelakkan tindakan larangan keluar negara dikenakan, peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan. Semakan yang berterusan mengenai status pinjaman perlu dibuat bagi memastikan tiada tunggakan bayaran balik dan nama bebas daripada tindakan undang-undang dan disenarai hitam. Senarai peminjam yang dilarang keluar negara ini boleh disemak melalui laman web PTPTN iaitu **[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)**.

### **PELEPASAN DARIPADA SENARAI HITAM**

5. Peminjam yang hendak mendapatkan pelepasan daripada senarai hitam hendaklah melangsaikan keseluruhan jumlah pinjaman yang dituntut sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh pelepasan dan/atau tarikh berangkat keluar negara. Jumlah pinjaman yang perlu dilangsaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu dengan mengisi borang permohonan pengesahan baki pinjaman yang boleh didapati melalui laman web PTPTN dan menghantarnya kepada alamat yang telah dinyatakan di dalam borang berkenaan. Bayaran boleh dibuat di kaunter perkhidmatan pelanggan PTPTN di KL Sentral atau melalui agen-agen bayaran balik yang ditetapkan oleh PTPTN.

6. Walau bagaimanapun, PTPTN bersedia mempertimbangkan kes-kes yang memerlukan pelepasan segera dengan syarat bayaran balik hendaklah dibuat secara tunai di kaunter perkhidmatan pelanggan PTPTN. Sekiranya bayaran dibuat melalui agen-agen bayaran balik, resit pembayaran hendaklah dikemukakan kepada PTPTN sebagai bukti pembayaran. Bayaran balik pinjaman yang dibuat melalui cek atau bank deraf, pelepasan hanya boleh dilakukan selepas cek atau bank deraf dijelaskan oleh Bank Pembayar.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Yunus Abd Ghani', written over a horizontal line.

**YUNUS ABD GHANI)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

8 Oktober 2009